



Mohammed H M Qishta (kanan) bersama rakan-rakannya diperkenalkan dengan kad raya edisi UUM oleh Mohd Yusnaidi (dua, kiri).

Tarikan tradisi kad raya

SINTOK - Walaupun tradisi menghantar kad raya sempena Aidilfitri semakin kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat hari ini, namun masih ada yang menggunakannya untuk mengutus tanda ingatan.

Lebih istimewa, tradisi menghantar kad raya turut menarik perhatian pelajar-pelajar asing di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini.

Bagi pelajar Sarjana Falsafah bidang Perakaunan dari Palestin, Mohammed H M Qishta, 32, berkata, dia dan rakan-rakan mengambil peluang untuk menulis ucapan hari raya menggunakan kad raya untuk dihantar kepada keluarga masing-masing.

Menurutnya, situasi pergolakan yang berlaku di Gaza sangat membimbangkan lebih-lebih lagi terpaksa berjauhan dengan keluarga tercinta.

“Saya kira ia wajar dikekalkan dan menjadi tradisi untuk kita mengeratkan silaturahim. Di kesempatan ini juga saya ingin menghantar kad raya kepada keluarga tercinta di kampung.” - Mohammed Madi

“Mujur ada kawan-kawan dan kami sama-sama bagi sokongan serta berdoa supaya keluarga di Gaza selamat.

“Jadi sempena kehadiran Ramadan dan Aidilfitri, saya ambil peluang menggunakan kad raya untuk menulis sesuatu sebagai tanda ingatan kepada keluarga,” katanya.

Bagi Mohammed Madi, 32, yang juga rakyat Palestin, dia tertarik dengan keunikan kad raya yang dibuat seperti poskad.

“Kad raya lebih istimewa kerana hanya ada pada musim Aidilfitri, walaupun mungkin sudah semakin tidak digunakan

lagi sekarang oleh masyarakat di sini.

“Saya kira ia wajar dikekalkan dan menjadi tradisi untuk kita mengeratkan silaturahim. Di kesempatan ini juga saya ingin menghantar kad raya kepada keluarga tercinta di kampung,” katanya ketika ditemui dan diperkenalkan dengan kad raya UUM oleh Pegawai Hal Ehwal Islam UUM, Mohd Yusnaidi Md Sabri, baru-baru ini.

